

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Pendatang dipercayai pembawa virus polio

Ujian tiga kes di Sabah ada kaitan genetik di Filipina

Oleh Olivia Miwil dan Poliana Ronnie Sidom
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Pendatang asing dipercayai menjadi pembawa virus polio ke negara ini susulan dua kes jangkitan terbaru dikesan membabitkan kanak-kanak bukan warganegara di Sabah.

Dua kanak-kanak berusia lapan dan 11 tahun itu yang masing-masing menetap di Sandakan dan Kinabatangan, disahkan positif virus terabit berdasarkan hasil ujian Makmal Polio Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di Australia, kelmarin.

Ia menjadikan tiga kes polio dilaporkan di Sabah, setakat ini, dengan ujian turut mendapati virus yang menjangkiti semua mangsa terabit ada kaitan genetik dengan kes polio di Filipina.

Ketua Pengarah Kesihatan, Da-

tuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bagi mengawal penyakit itu daripada merebak, strategi utama dilaksanakan ialah memberi vaksin kepada kanak-kanak berusia bawah lima tahun untuk meningkatkan daya imunisasi mereka.

Beliau berkata, untuk golongan bukan warganegara, vaksin diperolehi daripada Dana Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Kita juga bekerjasama dengan WHO dan Kerajaan Filipina untuk mendapatkan vaksin lebih murah," katanya pada Kempen Imunisasi Polio Sabah di Pulau Gaya, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, Datuk Frankie Poon Ming Fung, serta Pengarah Kesihatan Sabah, Datuk Dr Christina Rundi.



Dr Noor Hisham memberi vaksin kepada kanak-kanak pada Kempen Imunisasi Polio Sabah di Pulau Gaya, Kota Kinabalu semalam. (Foto Khairull Azry Bldin/BH)

"Kakitangan kita juga aktif berusaha mengesan kes yang ada simptom penyakit ini. Selain itu, kita ada perancangan memberi imunisasi kepada kanak-kanak berumur lima tahun ke atas pada masa depan," katanya.

Bulan lalu, seorang bayi lelaki berusia tiga bulan dari Tuaran disahkan dijangkiti virus polio yang menjadi kes pertama selepas 27 tahun negara ini bebas daripada penyakit itu.

Susulan itu, kira-kira 5,000 kanak-kanak di Tuaran dan Telipok diberi suntikan vaksin polio.

Dalam perkembangan berasi-

ngan, Dr Noor Hisham berkata, kementerian masih menyiasat kes seorang kanak-kanak berusia tiga tahun dari Likas yang didakwa meninggal dunia akibat Influenza A (H1N1).

"H1N1 adalah jangkitan bermusim, selepas itu terdapat komplikasi sama ada jangkitan ke paru-paru dan sebagainya. Kami masih menyiasat sama ada ia disebabkan jangkitan atau ada komplikasi lain," katanya.

Sementara itu, dalam satu kenyataan, semalam, Dr Noor Hisham berkata, dua kanak-kanak bukan warganegara di Sabah

yang terabit kes jangkitan terbaru itu, tidak pernah menerima imunisasi.

Beliau berkata, mangsa berusia 11 tahun dimasukkan ke hospital pada 1 Disember lalu selepas mengadu sakit belakang dan tidak dapat berjalan. Bagaimanapun, pesakit itu kini boleh berjalan dengan bertongkat.

"Kanak-kanak berusia lapan tahun itu pula mengalami demam sejak 9 Disember lalu dan selepas tiga hari, tidak boleh berjalan. Kanak-kanak ini masih dirawat dengan bantuan pernafasan di hospital," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL

Dua lagi kanak-kanak dijangkiti virus polio

Sandakan: Dua lagi kanak-kanak yang masing-masing berusia lapan dan 11 tahun dijangkiti virus polio selepas kes pertama membabitkan bayi berusia tiga bulan yang dilaporkan bulan lalu.

Dua kanak-kanak bukan warga negara itu masing-masing menetap di Sandakan dan Kinabatangan disahkan positif virus itu berdasarkan ujian Makmal Polio Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di Australia, semalam.

Kes terbaru itu menjadi tiga kes polio dilaporkan di Sabah dengan ujian turut mendapati virus yang menjangkiti ketiga-tiga kes mempunyai kaitan genetik dengan kes polio di Filipina.

Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (*gambar*) berkata, dua kanak-kanak itu tidak pernah menerima imunisasi dengan kanak-kanak berusia 11 tahun dimasukkan ke hospital pada 1 Disember

lalu selepas mengadu sakit belakang dan tidak dapat berjalan.

"Seorang lagi kanak-kanak yang berusia lapan tahun mengalami demam sejak 9 Disember dan selepas tiga hari, tidak boleh berjalan. Kanak-kanak ini masih dirawat dengan bantuan pernafasan di hospital," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, siasatan rapi dijalankan untuk mengenal pasti punca jangkitan kedua-dua kes

dan dikenal pasti sebagai kes *Accute Flaccid Paralysis* (AFP).

Menurutnya, sehingga kini, seramai 705 penduduk di kawasan tempat tinggal kedua kanak-kanak terbabit sudah diperiksa.

"Tiada kes AFP lain di kesan. Seramai 65 kanak-kanak didapati tercicir imunisasi polio di kawasan kes terbabit dan sudah diberi vaksin polio menggunakan kombinasi lima serangkaian (DTaP-IPV//HiB).

"Aktiviti kawalan polio di seluruh negeri giat dilaksanakan dengan kempen imunisasi polio yang menyasarkan kanak-kanak berumur bawah lima tahun bermula sejak 27 Disember lalu," katanya.

Bulan lalu, bayi lelaki berusia tiga bulan dari Tuaran disahkan dijangkiti virus polio yang menjadi kes pertama selepas 27 tahun negara ini bebas daripada penyakit itu.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL

23 jangkitan dikesan di Cyberjaya, Klang

Shah Alam: Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) memaklumkan kes jangkitan Influenza A dikesan di Cyberjaya dan Klang, Rabu lalu.

Pengarah Kesihatan Selangor Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, kes positif influenza A itu dikesan di Sekolah Kebangsaan Cyberjaya membabitkan 20 pelajar dan seorang guru yang mengalami demam, batuk dan selesema.

Beliau berkata, di Klang ia membabitkan dua beradik dalam satu keluarga.

"Sehingga kini, pelajar dan guru itu mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar dan dibenarkan pulang. Namun seorang pelajar lelaki dimasukkan ke wad di sebuah hospital swasta namun dilaporkan stabil.

"Di Klang, seorang pesakit masih dirawat di hospital namun stabil dan seorang lagi hanya pesakit luar.

Siasatan lanjut mendapati jangkitan di kedua-dua kawasan terbabit tidak mempunyai kaitan antara satu sama lain," katanya.

Dr Sha'ari berkata, kes jangkitan penyakit itu adalah terkawal dan tiada penutupan sekolah dilakukan di Selangor akibat influenza A.

Beliau menjelaskan jangkitan virus influenza bermusim hanya mengakibatkan demam selesema yang ringan pada individu biasa namun boleh menyebabkan jangkitan teruk kepada kumpulan berisiko tinggi antaranya kanak-kanak, warga tua, wanita mengandung dan mereka berpeyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi dan lelah.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

Dua lagi kes polio dikesan di Sabah

Membabitkan dua kanak-kanak lelaki bukan warganegara berusia lapan dan 11 tahun

Oleh HANIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan terdapat dua lagi kanak-kanak dijangkiti virus polio di Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dua kes baharu itu dikesan selepas KKM mempergiatkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan susulan kes jangkitan pertama yang berlaku pada Disember tahun lalu ke atas seorang bayi lelaki warganegara Malaysia berusia lapan tahun dari Tuaran, Sabah.

Menurutnya, dua kes baharu membabitkan dua kanak-kanak bukan warganegara, masing-masing berusia lapan dan

“Kanak-kanak berusia lapan tahun terbabit menetap di Sandakan, Sabah dan tidak pernah menerima sebarang imunisasi. Pada 9 Disember 2019, dia mengalami demam dan tiga hari kemudian tidak boleh berjalan.

“Dia masih dirawat dengan bantuan pernafasan di hospital, manakala seorang lagi kanak-kanak berusia 11 tahun yang menetap di Kinabatangan, Sabah juga tidak pernah mendapat sebarang imunisasi dan mengalami demam pada 17 November 2019.

“Pada 1 Disember 2019, dia dimasukkan ke hospital setelah mengadu sakit di bahagian belakang selain tidak boleh berjalan. Kini, pesakit dilaporkan sudah boleh berjalan dengan menggunakan tongkat,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, susulan itu, KKM menghantar sampel najis bagi kedua-dua pesakit ke WHO Polio RRL di Melbourne, Australia untuk ujian pengesahan dan ‘genetic sequencing’



NOOR HISHAM

sebelum keputusan rasmi diperolehi kelmarin.

“Dengan pengesahan dua kes polio baharu ini, jumlah kes polio yang disahkan adalah sebanyak tiga kes dan kesemua pesakit masih dirawat di hospital serta dilaporkan stabil.

“Ujian makmal WHO Polio RRL di Australia juga mendapati bahawa virus polio yang menjangkiti ketiga-tiga kes ini mempunyai perkaitan genetik dengan kes polio di Filipina,” katanya.

Noor Hisham berkata, sehingga kini, seramai 705 penduduk di kawasan tempat tinggal kedua-dua kanak-kanak berkenaan juga diperiksa dan tiada kes AFP lain yang dikesan.

“Seramai 65 orang kanak-kanak didapati cecir imunisasi polio dalam kawasan tempat tinggal kes-kes terbabit sudah diberi suntikan vaksin polio menggunakan vaksin kombinasi lima serangkai (DTaP-IPV//HiB).

“Selain itu, aktiviti kawalan wabak polio di seluruh negeri

Kempen Imunisasi Polio Sabah diperluas

KOTA KINABALU - Kempen Imunisasi Polio Sabah (KIPS) akan terus diperhebat dan diperluaskan di seluruh Sabah.

Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, Datuk Frankie Poon Ming Fung berkata, imunisasi polio berkenaan diberi percuma kepada semua kanak-kanak berusia bawah lima tahun di negeri ini termasuk warga asing bagi memastikan negara ini khususnya Sabah bebas polio.

“Kita tidak mahu ada kanak-kanak di Sabah tercicir daripada mendapat imunisasi polio kerana penyakit ini

tidak mempunyai ubat. Namun kita boleh melakukan pencegahan melalui pemberian imunisasi agar tidak terkena penyakit berkenaan.

“Jadi saya berharap ibu bapa yang mempunyai anak di bawah usia lima tahun agar membawa mereka untuk mendapatkan pelalian ini sekiranya belum berbuat demikian,” katanya.

Frankie Poon berkata, melalui kempen itu, Jabatan Kesihatan Sabah bersamasama sukarelawan akan berkunjung ke kawasan yang telah dikenal pasti untuk memberikan suntikan pelalian itu. - *Bernama*

Sabah juga sedang giat dilaksanakan termasuk Kempen Imunisasi Polio Sabah (KIPS 2019/2020) yang menyasarkan semua kanak-kanak berumur bawah lima tahun di seluruh Sabah telah dimulakan pada 27 Disember 2019 di mana mereka diberikan dua dos

vaksin polio secara titis (oral polio vaccine-OPV),” katanya.

Menurutnya, vaksin itu akan membina imuniti dalam usus untuk membunuh virus polio sekiranya kanak-kanak tersebut dijangkiti, sekali gus memastikan ia tidak terus menular dalam komuniti.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 36

RUANGAN : NASIONAL

Kompaun RM81,900 dalam 9 hari



Veerapan (dua dari kanan) menerangkan kepada peniaga makanan tentang penguatkuasaan larangan merokok yang dilaksanakan kerajaan di Seremban semalam.

Jabatan Kesihatan Negeri
Sembilan periksa 6,893 lokasi

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN

Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan mengeluarkan sebanyak 342 notis membatikan jumlah kompaun bernilai RM81,900 dalam tempoh sembilan hari sejak penguatkuasaan larangan merokok di kedai makan dilaksanakan pada 1 Januari 2020.

Exco Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan berkata, notis mengikut Seksyen 32B di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 itu dikeluarkan hasil pemeriksaan di 6,893 lokasi.

"Daripada jumlah notis berkenaan, sebanyak 205 notis bagi kesalahan pelanggaran peraturan 11(1)(d) iaitu kesalahan merokok di tempat makan.

"Sebanyak 82 notis lagi adalah bagi kesalahan pelanggaran peraturan 12(1)(a) iaitu tanggungjawab tuan punya atau penghuni tempat makan mempamerkan tanda larangan merokok," katanya pada sidang akhbar di Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan di sini semalam.

Veerapan berkata, sebanyak 37 notis bagi kesalahan pelanggaran peraturan 12(1)(b) iaitu

tanggungjawab pemilik atau penghuni premis memastikan bahawa tiada yang merokok dan sebanyak 18 notis adalah bagi kesalahan orang belum dewasa merokok.

Menurutnya, tempat makan kategori restoran menunjukkan paling banyak menerima notis iaitu 250 diikuti gerai makan (69), tempat makan terbuka (7), medan selera (13) dan kedai makan atas tanah lot (2).

"Saya nak ingatkan pemilik gerai makan dan trak makanan serta orang ramai yang mengunjungi lokasi berkenaan turut tidak terkecuali dikenakan tindakan jika didapati tidak mematuhi peraturan ditetapkan.

"Selagi namanya tempat makan, ia adalah lokasi larangan merokok. Pengusaha juga pula perlu pasang papan tanda larangan merokok mengikut spesifikasi ditetapkan oleh kerajaan bagi elak dikenakan tindakan," katanya.

Katanya, sebanyak 43 aduan iaitu 31 di Seremban dan Port Dickson (2) berkaitan larangan merokok di tempat makan diterima.

"Saya juga kesal apabila ada individu yang sengaja mencabar kerajaan apabila membuat rakaman video merokok di premis makanan seolah memperlekehkan usaha penguatkuasaan dilaksanakan ini.

"Saya difahamkan video itu dirakam di negeri lain tetapi jika ia berlaku di Negeri Sembilan, kita tidak teragak-agak untuk ambil tindakan," katanya.

**PEROKOK
DI KEDAI MAKAN
DIGEMPUR**

Daripada jumlah notis berkenaan, sebanyak 205 notis bagi kesalahan pelanggaran peraturan 11(1)(d) iaitu kesalahan merokok di tempat makan.

- S Veerapan

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 29

RUANGAN : SINAR NEGERI

Dua kes influenza A dikesan di Cyberjaya dan Klang

SHAH ALAM - Jabatan Kesihatan Negeri Selangor memaklumkan dua kejadian wabak influenza A berlaku di Cyberjaya dan Klang pada Rabu lalu.

Pengarahnya, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, kes terbabit bagaimanapun, tidak melibatkan sebarang penutupan sekolah.

Menurutnya, wabak pertama dilaporkan berlaku di Sekolah Kebangsaan (SK) Cyberjaya melibatkan 20 pelajar dan seorang guru manakala kes kedua melibatkan dua beradik di Klang.

"Sehingga kini, sebanyak

20 pelajar SK Cyberjaya telah mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar. Hanya seorang pelajar lelaki dimasukkan ke wad di sebuah hospital swasta namun stabil," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dr Sha'ari berkata, bagi kes dua beradik di Klang pula, mereka telah menerima rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran.

"Seorang daripadanya masih dirawat di hospital dan dalam keadaan stabil manakala seorang lagi telah menerima rawatan sebagai pesakit luar," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

4

NEWS / Nation

'ISOLATED PAHANG CASE'

GIRL, 1, DIED OF INFLUENZA A LAST MONTH

Twin sister fighting for life at intensive care unit

TASNIM LOKMAN
AND SHARIFAH MAHSINAH
ABDULLAH
KUANTAN
news@nst.com.my

A 1-YEAR-OLD girl in Temerloh died late last month after testing positive for Influenza A, also known as H1N1.

The victim was warded along with her twin sister at Sultan Haji Ahmad Shah Hospital's (Hoshah) intensive care unit. Her sister is

fighting for her life.

Pahang Health Department director Datuk Dr Bahari Awang Ngah confirmed this with the *New Straits Times* yesterday.

"Both cases are at Hoshah and one has died," he said.

The newly minted state director said the death was linked to the influenza outbreak.

News of the death was reported on Jan 1, but it could not be verified by the authorities until now. A source told the NST that the state Health Department was unable to trace the source of the virus.

Investigators had begun tracking the toddlers' movements for the past one year, but were not able to identify the point of transmission.

Staff members at a private hospital in Klang wearing face masks as a precautionary measure yesterday. PIC BY FAIZ ANUAR



A banner is posted on the gate of SK Cyberjaya warning the public of the Influenza A infection after 20 students and a teacher fell ill recently. PIC BY MOHD FADLI HANZAH

"Our investigations showed that the sisters had been to only two places — their nursery and the supermarket. Nobody else at the nursery has been tested positive for H1N1," the source said.

"Our preliminary conclusion is that the victims may have been infected from outside, maybe by the foreign supermarket workers."

The Health Department said things were under control in Pahang and the death in Temerloh was considered an isolated case.

Anybody who displayed symptoms of fever, cough and cold for more than three to four days will be treated for influenza as a precautionary measure.

A doctor from Hoshah said influenza test was conducted only on those who did not respond to normal treatment.

Priority treatment, he said, would be given to high-risk patients and children. Patients who tested positive for influenza strains were usually referred by private clinics, he added.

"Influenza-related cases are on the rise, but we can't say there is an outbreak yet," he said.

In Kota Baru, the state Health Department is ramping up efforts to educate the public on the need to take precautionary measures

against the spread of a mysterious respiratory illness gripping the Chinese city of Wuhan.

Its director, Datuk Dr Zaini Hussin, said health officers had been told to inform the public on the outbreak of the viral pneumonia, with focus on three border checkpoints in the state — Rantau Panjang, Pengkalan Kubor (Tumpat) and Bukit Bunga (Tanah Merah).

"We are taking this matter seriously and will monitor the situation. Among the efforts taken include informing the public on cluster and preventive measures to curb the spread of the illness."

He said health officers stationed at the three checkpoints had been told to be thorough in screening travellers.

"All health clinics in the state have been urged to conduct similar screenings on patients to ensure that those suspected of having the illness are properly handled."

"So far, there are no reports of cases yet," he said.

Asian countries over the past week have been ramping up checks at entry points following the outbreak.

The Health Ministry on Saturday said states had been urged to

inform the government if they encountered any case with pneumonia-like symptoms, and if any of their patients had visited Wuhan recently.

In Selangor, 22 people in Cyberjaya and Klang tested positive for Influenza A on Thursday.

In Cyberjaya, 20 students and a teacher from SK Cyberjaya were diagnosed with the viral infection after displaying symptoms of fever, cough and flu.

In a separate case, two siblings in Klang tested positive for the virus, Bernama reported.

"The students and the teacher (in Cyberjaya) received outpatient treatment and were allowed to return home. However, one schoolboy was admitted to a private hospital and is reported to be in stable condition."

"(Meanwhile) one of the siblings in Klang has been hospitalised, but is in stable condition, while the other received treatment and has returned home," state health director Datuk Dr Sha'ari Ngadiman said.

He added that the health authorities believe that the two cases were not linked.

He said no school had been ordered to closed in Selangor, as the situation was under control.

Migrants likely brought in polio virus, says D-G

KOTA KINABALU: The polio virus in Sabah is believed to have been brought in by migrants, said Health Ministry director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

He said this was based on the recent two poliomyelitis (polio) cases involving foreigners in Kinabatangan and Sandakan.

The two cases were confirmed following test results from the World Health Organisation Polio Regional Reference Laboratory (WHO Polio RRL) in Melbourne, Australia, yesterday.

The first case involving an infant from Tuaran, was confirmed on Dec 8 after the country was

declared free from poliomyelitis (polio) about three decades ago.

"Our main strategy is to immunise all children age 5 and below to improve (herd immunity) coverage to protect the community."

"For non-citizens, we have obtained subsidised vaccines from the United Nations Children's Fund. We also work with the World Health Organisation (WHO) and the Philippine government for cheaper vaccines," Dr Noor Hisham said at the launch of the Sabah Polio Vaccine campaign in Pulau Gaya here.

Present were Sabah Health and People's Wellbeing Minister Datuk Frankie Poon and Sabah

Health director Datuk Christina Rundi.

The large-scale vaccination drive involved 5,000 preschoolers in Tuaran and Telipok last month.

"For this latest initiative, we estimate that another 2,000 people will be vaccinated. Instead of parents bringing their children to us, our staff members will bring the vaccines to the community," Dr Noor Hisham said, adding that health personnel had been tracing suspected cases of acute flaccid paralysis symptoms.

He said there were plans to immunise children aged above 5 in future.



Health Ministry director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah administering polio vaccine to a child in Pulau Gaya yesterday. PIC COURTESY OF SABAH HEALTH AND PEOPLE'S WELLBEING MINISTRY

He said the ministry was investigating the case of a 3-year-old child from Tadika Chung Hwa Likas, who allegedly died of influenza A.

He said it was important for

people to practise good hand hygiene, and ethical coughing and sneezing attitudes.

Dr Noor Hisham urged the public to take flu vaccines at clinics for prophylaxis.